



Ibu kota baru dunia

Nama: Washington D.C.,
Amerika Syarikat
Jumlah penduduk: 580,000
Tahun asas: 1783
Pusat komersial: New York

Nama: Brasilia, Brazil
Jumlah penduduk: 510,000
Tahun asas: 1823
Pusat komersial: Rio de Janeiro


Nama: Ottawa, Kanada
Jumlah penduduk: 860,000
Tahun asas: 1857
Pusat komersial: Toronto

Nama: Canberra, Australia
Jumlah penduduk: 310,000
Tahun asas: 1901
Pusat komersial: Sydney

Nama: New Delhi, India
Jumlah penduduk: 13 juta
Tahun asas: 1911
Pusat komersial: Calcutta

Nama: Ankara, Turki
Jumlah penduduk: 3 juta
Tahun asas: 1923
Pusat komersial: Istanbul

Nama: Islamabad, Pakistan
Jumlah penduduk: 600,000
Tahun asas: 1947
Pusat komersial: Karachi



KUALA LUMPUR lebih dikenali masyarakat antarabangsa.

Enggan atau lupa iktiraf

SETELAH lebih sedekad dibuka sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint Diplomatik yang direka khusus menempatkan semua misi diplomatik asing di negara ini mungkin menjadi 'gajah putih'.

Lebih malang, kawasan yang mengandungi 10,384 meter persegi ruang pejabat di atas tanah seluas 80 hektar dekat laluan masuk utama ke Putrajaya dari Bangi itu hanya mendapat sambutan dari kalangan 26 buah negara.

Ini bermakna cuma satu daripada lima kedutaan yang kini berselerak di sekitar Kuala Lumpur mengesahkan secara rasmi untuk beroperasi di Putrajaya dan itu pun negara terbabit merupakan negara dunia ketiga.

Langsung tiada kuasa besar mahu memindahkan bangunan kedutaan mereka di Kuala Lumpur dan ini disahkan jurucakap Perbadanan Putrajaya sekali gus membayangkan Putrajaya belum diiktiraf oleh komuniti antarabangsa.

"Sehingga akhir bulan lalu, kita hanya mendapat persetujuan rasmi 26 buah negara daripada keseluruhan 128 perwakilan asing yang berada di Kuala Lumpur," katanya sebagai mengesahkan ketika dihubungi *KOSMO!*

Sebahagian besarnya dari benua Asia iaitu Afghanistan, Arab Saudi, Bangladesh, Brunei, Filipina, Iran, Iraq, Kazakhstan, Kemboja, Kuwait, Laos, Oman, Pakistan, Qatar, Sri Lanka, Syria, Turki dan UAE.

Selebihnya beberapa negara Afrika iaitu Algeria, Ghana, Guinea, Libya, Mesir, Nigeria, Senegal dan Sudan. Namun Namibia dan Yemen yang sebelum itu mahu berpindah ke situ membatalkan hasrat mereka.


Tinjauan *KOSMO!* ke presint eksklusif tersebut yang dulunya dikenali sebagai Enklaf Diplomatik jelas menggambarkan bandar itu lebih layak digelar bandar hantu kerana amat lengang atau mungkin terlalu elit.

KOSMO! bagaimanapun difahamkan semua negara terbabit telah membeli 41 lot tanah daripada keseluruhan 61 lot bersaiz 0.4 hektar dijual pada harga antara RM2 juta dan RM3 juta untuk membina bangunan kedutaan.

Dalam pada itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique optimis lebih 90 kedutaan asing akan beroperasi di Presint Diplomatik sebaik Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya siap pada akhir tahun ini.

Malah, dengan fasiliti canggih yang dirancang sebagai komuniti diplomatik dalam taman, sebuah sekolah antarabangsa bakal beroperasi dan kawasan komersial moden turut menjadi daya tarikan besar di situ.

"Saya tidak menolak kemungkinan banyak kedutaan berpindah apabila lebuhraya sejauh 25 kilometer itu siap kerana ia akan meningkatkan masa perjalanan kepada separuh sahaja berbanding kini 45 minit," katanya.



HANYA 26 negara sudah mengesahkan untuk memindahkan bangunan kedutaan-masing-masing ke Presint Diplomatik.